## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 11 JUN 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | CADANGAN NAIK HARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN DIMUKTAMAD SEBELUM OKTOBER -MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE<br>KEPUTUSAN HARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN DIMUKTAMAD SEBELUM OKTOBER, BERITA RTM -ONLINE<br>CADANGAN HARGA SILING BPT JANGKA DIMUKTAMAD OKTOBER, NASIONAL, SH -11<br>SYOR NAIK HARGA BERAS TEMPATAN DIMUKTAMAD OKTOBER, DALAM NEGERI, UM -1 & 3<br>HARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN DIMUKTAMAD SEBELUM OKTOBER, NASIONAL, BH -6<br>MAHA 2024 SASAR RM6 BILLION NILAI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN, BISNES, SH -28<br>MAHA 2024 SASAR RAIH RM6 BILION NILAI MOU, NASIONAL, BH -18<br>MAHA 2024 AIMS TO SECURE RM6b IN DEALS, NATIONAL, THE SUN -4<br>CEILING PRICE HIKE FOR LOCAL WHITE RICE BEING FINALISED, NATIONAL, THE SUN -4<br>LAUNCH CAMPAIGN ON DRONE MANAGEMENT, CAAM URGED, NATION, THE STAR -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 11. | CLOSE EYE ON DIARY IMPORTS, NATION, THE STAR -10 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 12.<br>13.<br>14. | AGRO FAIR HELPS PARTICIPANTS GROW BUSINESS, COMMENT, THE STAR -7<br>BOT NELAYAN VIETNAM TAK SERIK CEROBOH!, LOKAL, HM -20<br>JABATAN PERIKANAN PERAK NAFI ABAI ADUAN NELAYAN, NEGARA, KOSMO -18 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15. | KOS TANAM PADI DIJANGKA NAIK, DALAM NEGERI, UM -12 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 16.<br>17. | GROWING URBAN GREENS, MUKA DEPAN, THE STAR -1<br>SCALING COMMUNAL GARDENS FOR SUCCES, NEWS, THE STAR -2 & 3 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 18.<br>19.<br>20. | HILANG RM100 SEHARI ANGKARA SISA BABI, NEGARA, KOSMO -17<br>LEMBU SADO DITAWAR HARGA RM20,000 UNTUK KORBAN, DALAM NEGERI, UM -31<br>MESTI ADA IKAN SUDAH MAKAN!, LOKAL, HM -24 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Cadangan naik harga siling beras putih tempatan dimuktamad sebelum Oktober - Mohamad Sabu



*Mohamad berkata cadangan berkenaan masih dalam perbincangan melibatkan KPKM dengan beberapa kementerian berkaitan dan sedang menuju kepada penyelesaian akhir. - Gambar fail*

**SERDANG:** Cadangan kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) dijangka dimuktamad sebelum Oktober tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata cadangan berkenaan masih dalam perbincangan melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan beberapa kementerian berkaitan dan sedang menuju kepada penyelesaian akhir.

"Sebelum Oktober. Tidak lama dah. (Cadangan) masih di peringkat perbincangan dan sebarang perubahan harga (BPT) dan sebagainya itu perbincangannya melibatkan empat hingga lima kementerian.

"Bukan hanya KPKM tetapi Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan beberapa kementerian lain," katanya ketika diminta mengulas mengenai bila cadangan itu akan dimuktamadkan pada sidang media di sini hari ini.

Pada November tahun lepas, Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini.

Terdahulu, beliau melancarkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan' yang akan diadakan pada 11 hingga 22 Sept di Taman Expo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

Mengenai kes jangkitan selesema burung di luar negara akibat terdedah kepada lembu yang dijangkiti, beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memantau rapi kemasukan bekalan makanan ke negara ini .

"Mana-mana tempat dijangkiti penyakit flu atau apa-apa virus, pihak DVS akan membuat tindakan cepat menasihatkan kepada kementerian untuk tidak boleh diimport ternakan dan sebagainya ," katanya.

Media melaporkan seorang pekerja tenusu Amerika Syarikat (AS) disahkan mangsa ketiga positif selesema burung selepas terdedah kepada lembu yang dijangkiti dan yang pertama mengalami masalah pernafasan.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | BERITA RTM | ONLINE | |

# Keputusan harga siling beras putih tempatan dimuktamad sebelum Oktober




"Sekarang,masih lagi di peringkat perbincangan dan menuju kepada penyelesaian akhir dan keputusan akan dimuktamadkan sebelum Oktober," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung pelaksanaan cadangan itu pada sidang media selepas Majlis Peluncuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini hari ini.

Terdahulu, beliau memaklumkan kerajaan perlu meneliti cadangan Badan Kawal Selia Padi dan Beras supaya harga siling BPT dinaikkan kepada RM3.20 sen sekilogram berbanding harga siling semasa iaitu RM2.60 sen sekilogram.

Ia mengambil kira keputusan yang dibuat kelak bakal memberi impak kepada hampir 300,000 komuniti termasuk pesawah, pengilang komersial, pemborong dan peruncit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Cadangan harga siling BPT jangka dimuktamad Oktober

Perbincangan perubahan harga masih berjalan melibatkan beberapa kementerian

**Oleh DIANA AZIS**
**SERDANG**

Cadangan harga siling baharu bagi beras putih tempatan (BPT) akan dimuktamadkan sebelum Oktober depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini perbincangan mengenai perkara tersebut masih berjalan melibatkan beberapa kementerian.

"Sebarang perubahan harga dan sebagainya (perbincangan) melibatkan empat hingga lima kementerian, bukan hanya KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan), Kementerian Ekonomi, Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Sebelum Oktober (dimuktamadkan), tidak lama lagi. Sekarang masih di peringkat perbincangan dan menuju kepada penyelesaian akhir," katanya ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2024) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan cadangan isu harga siling BPT dinaikkan bagi menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu.

Sebelum ini media melaporkan, Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini.

Sementara itu mengenai kes selesema burung di Amerika Syarikat (AS), Mohamad menjelaskan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan meneliti produk tenusu yang dibawa masuk ke negara ini.

"Soal keselamatan, keterjaminan dan kesihatan perlu diambil kira. Mana-mana tempat yang dijangkiti penyakit selesema, virus dan sebagainya, DVS akan buat tindakan cepat dan memberi nasihat kepada KPKM supaya di kawasan terlibat tidak boleh diimport bahan ternakan.

"DVS adalah satu pasukan yang dihormati atas ketegasan mereka. Kawasan yang ada penyakit merebak, kita cepat bertindak," jelasnya.

Bulan lalu seorang pekerja tenusu di AS disahkan mangsa ketiga positif selesema burung selepas terdedah kepada lembu yang dijangkiti dan yang pertama mengalami masalah pernafasan.

Jangkitan itu adalah kes manusia kedua di Michigan, yang mengesahkan lebih banyak kes selesema burung dalam lembu tenusu berbanding negeri-negeri lain.



Mohamad (kiri) melawat ruangan pameran MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Isnin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Syor naik harga beras tempatan dimuktamad Oktober

**Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Keputusan mengenai kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) akan dimuktamadkan dan diumumkan sebelum Oktober ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan itu sedang diperhalusi dan kini dalam perbincangan di peringkat akhir bersama beberapa kementerian.

"Sebelum Oktober. Tidak lama dah. (Cadangan) masih di peringkat perbincangan dan sebarang perubahan harga dan sebagainya melibatkan perbincangan empat hingga lima kementerian.

"Bukan hanya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang buat keputusan mengenai harga (BPT) tetapi kementerian lain juga.

Bersambung di muka 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Syor naik harga beras tempatan dimuktamad Oktober

Dari muka 1

"Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta beberapa kementerian lain juga," kata beliau.

Mohamad berkata demikian selepas melancarkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan' yang berlangsung pada 1 hingga 22 September di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai cadangan beberapa pihak bagi menaikkan harga siling beras tempatan yang ketika ini masih dikawal oleh kerajaan.

Ketika ini harga beras tempatan dijual RM2.60 sekilogram atau RM26 bagi kampit 10 kilogram dapat dinaikkan. Syor menaikkan harga beras tempatan itu perlu selepas lebih 15 tahun harganya tidak disemak.

Pihak pengilang juga terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan harga siling beras tempatan yang rendah itu, manakala pesawah turut berdepan situasi sama di sebalik kenaikan kos input pertanian dan operasi tanaman.



**KERAJAAN** masih membincangkan harga siling baharu beras tempatan dan akan mengumumkan sebelum Oktober ini.

Mengikut perkiraan kos untuk menghasilkan sekilo beras adalah 46 sen atau RM460 bagi satu tan metrik meliputi beberapa kos lain seperti operasi, utiliti dan pelbagai lagi.

Selain itu, dengan harga siling beras RM2.60 atau RM26 untuk kampit 10 kilogram didakwa ramai pengilang memanipulasi beras tempatan dengan melabelkan sebagai beras import. Tindakan itu menyebabkan, orang ramai terus merugut kerana beras tempatan dengan harga RM26 bagi kampit 10 kilogram tiada di pasaran.

Susulan itu, pada November tahun lalu, Mohamad memaklumkan kerajaan perlu meneliti cadangan Badan Kawal Selia Padi dan Beras supaya harga siling BPT dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding harga siling semasa iaitu RM2.60 sekilogram.

Ia mengambil kira impak kenaikan itu dengan keputusan yang dibuat bakal memberi kesan kepada hampir 300,000 komuniti yang terbabit dalam setiap rantaian berkenaan meliputi pesawah, pengilang komersial, pemborong dan peruncit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |


# Harga siling beras putih tempatan dimuktamad sebelum Oktober

## KPKM dan kementerian lain masih peringkat perbincangan

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Keputusan mengenai kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) akan dimuktamadkan sebelum Oktober ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata cadangan itu sedang diperhalusi dalam perbincangan pada peringkat akhir bersama beberapa kementerian lain.

"(Keputusan) masih pada peringkat perbincangan. Sebarang perubahan harga dan sebagainya, (ia) perbincangan membabitkan empat kementerian, bukan hanya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), (tetapi termasuk juga) Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Kos Sara Hidup (KPDN) dan juga beberapa kementerian lain.

"Sekarang, (belum ada keputusan) dan masih pada peringkat perbincangan dan menuju kepada penyelesaian akhir dan keputusan akan dimuktamadkan sebelum Oktober," katanya pada sidang media Majlis Peluncuran Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, di sini, semalam.

*BH* sebelum ini melaporkan, pihak berkepentingan yang terbabit dalam industri beras negara menyarankan harga BPT yang ketika ini dikawal kerajaan RM2.60 sekilogram atau RM26 bagi kampit 10 kilogram (kg), dinaikkan secara minimum 25 sen bagi setiap kilogram.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM), Ismail Awang, dilaporkan berkata, penetapan harga baharu kepada RM2.85 bagi setiap kilogram beras atau RM28.50 bagi kampit 10kg dilihat sebagai penyelesaian terbaik bagi memberi peluang kepada pemborong 'bernafas', selain kadar kenaikan tidak menekan pengguna.

November lalu, Mohamad Sabu memaklumkan kerajaan perlu meneliti cadangan Badan Kawal Selia Padi dan Beras supaya harga siling BPT dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding harga siling semasa, iaitu RM2.60 sekilogram.

Ia mengambil kira impak kenaikan itu dengan keputusan dibuat bakal memberi kesan kepada hampir 300,000 komuniti yang terbabit dalam setiap rantaian berkenaan.

### Elak virus H5N1

Dalam perkembangan lain, Mohamad memaklumkan kementerian itu sedang meneliti beberapa produk tenusu daripada negara pengeluar yang berisiko dengan virus H5N1 atau selesema burung terutama dari Amerika Syarikat (AS) supaya tidak dibawa masuk ke negara ini.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah kementeriannya amat teliti dengan isu keselamatan bagi mengelak penularan penyakit di negara ini.

Katanya, perkara ini penting dan perlu diambil kira kerana ia membabitkan keselamatan dan keterjaminan kesihatan individu.

"Tidak kira produk tenusu itu dari mana, sama ada dari AS, Belanda, United Kingdom atau Australia, kita akan teliti. Kalau didapati tiada (H5N1), maka tiada masalah untuk dibawa masuk ke Malaysia.

"Mana-mana tempat yang ada selesema, penyakit boleh merebak, kita akan cepat bertindak," katanya.

Dilaporkan hampir lima juta dos vaksin H5N1 sedang disiapkan kemungkinan digunakan pada manusia ketika wabak selsema burung terus merebak dalam kalangan lembu tenusu di AS.

Sejak wabak itu melanda haiwan ternakan bermula musim bunga tahun ini, virus H5N1 disahkan menjangkiti tiga individu yang bekerja di ladang tenusu di Texas dan Michigan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | SINAR HARIAN | BISNES | 28 |

PAMERAN

# MAHA 2024 sasar RM6 bilion nilai perjanjian persefahaman

**SERDANG** - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada September ini menyasarkan memperoleh kira-kira RM6 bilion nilai perjanjian persefahaman serta RM40 juta nilai jualan langsung.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, itu petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan untuk MAHA 2024 yang kini menyambut ulang tahun ke-100 penganjuran sejak kali pertama dianjurkan pada 1923.

"Menelusuri sejarah 100 tahun penganjuran, menunjukkan betapa pentingnya pameran ini dalam perkembangan sektor pertanian negara.

"MAHA memainkan peranan penting dalam memajukan teknologi pertanian, memperkenalkan inovasi, dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai pihak dalam industri pertanian khususnya bagi melestarikan keterjaminan makanan negara," katanya pada majlis pelancaran MAHA 2024 bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan' di sini pada Isnin.

Menerusi MAHA 2024, Mohamad berkata, pihaknya berhasrat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi pertanian moden dalam kalangan petani serta pengusaha tempatan.

"Melalui pameran ini, pengunjung dan pihak yang berkepentingan akan dapat merasai pengalaman secara langsung untuk aplikasi inovasi seperti pertanian pintar, penggunaan data raya dan automasi boleh diaplikasikan dalam operasi harian mereka," katanya.

Beliau berkata, MAHA 2024 perlu menjadi platform untuk mempromosikan produk pertanian tempatan ke pasaran antarabangsa kerana disasarkan bilangan pempamer kali ini melebihi 2,000 syarikat.

"Penganjuran MAHA 2024 juga perlu menekankan fokus untuk menggalakkan amalan pertanian lestari yang dapat memelihara alam sekitar dan memastikan kelestarian sumber pertanian," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |


# MAHA 2024 sasar raih RM6 bilion nilai MoU

## Pameran dijangka tarik tiga juta pengunjung, platform promosi produk tempatan ke pasaran global


Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my




*Mohamad Sabu bersama Lokman Hakim (dua dari kanan) melakukan gimik peluncuran MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

**Serdang:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan menarik sebanyak RM6 bilion nilai perjanjian persefahaman (MoU) melalui penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang diadakan bermula 11 hingga 22 September depan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perolehan itu antara petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan untuk MAHA 2024 yang meraikan ulang tahun ke-100 sejak penganjurannya pada 1923.

"Selain itu, KPKM juga menyasarkan nilai potensi pembiayaan kewangan RM600 juta atau sekurang-kurangnya 4,000 permohonan dengan nilai jualan langsung sekurang-kurangnya RM40 juta," katanya berucap pada Majlis Peluncuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, MAHA 2024 yang bakal menarik tiga juta pengunjung akan menjadi platform dalam mempromosikan produk pertanian tempatan ke pasaran antarabangsa.

"Minggu depan pada hari raya haji ketiga, misalnya kita akan adakan tandatangan bersama kerajaan China iaitu mengeksport durian ke negara itu.

"Kerjasama antarabangsa ini antara fokus kita kerana dunia kini sudah menjadi satu 'global village', jadi kita juga perlu bergantung kepada negara lain jika berlaku masalah yang dihadapi begitu juga dengan negara lain.

"Alhamdulillah, sekarang kerjasama kita di antara peringkat antarabangsa begitu baik dan kini lebih 180 syarikat antarabangsa berminat menyertai MAHA 2024 daripada 2,000 sasaran pempamer," katanya.

### Teknologi pertanian moden

Selain itu Mohamad berkata, usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan teknologi pertanian moden dalam kalangan petani dan pengusaha tempatan menjadi antara aspirasi utama MAHA 2024.

Beliau berkata, melalui pameran itu, pengunjung dan pemegang taruh dapat merasai pengalaman secara langsung untuk aplikasi inovasi seperti pertanian pintar, penggunaan data besar (Big Data) dan automasi boleh diaplikasikan dalam operasi harian mereka.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, MAHA 2024 turut memberi penekanan kepada internet kebendaaan (IoT) dalam sektor pertanian, perikanan, penternakan dan perladangan.

Katanya, sektor pertanian bukan hanya tentang pengeluaran makanan semata-mata, sebaliknya ia juga merangkumi aspek ekonomi, sosial dan ekologi yang lebih luas.

Sehubungan itu beliau menyeru petani, usahawan dan semua penggiat industri pertanian mengambil peluang ini bagi mempelajari teknologi dan amalan terbaru yang akan dipamerkan di MAHA 2024.

"Jadikanlah pameran ini sebagai platform untuk berkongsi pengalaman, bertukar idea dan mencari rakan niaga yang berpotensi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# Ceiling price hike for local white rice being finalised

**SERDANG:** The proposal to increase the ceiling price of local white rice is expected to be finalised before October this year, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He added that the proposal is still being discussed by the Agriculture and Food Security Ministry and several other ministries.

"(The proposal) on any price change of local white rice and so on is still being discussed, involving four to five ministries," he said during a press conference at the launch of Maha 2024 yesterday.

Asked when the proposal would be finalised, Mohamad said: "Before October. Not that long."

He was commenting on the proposed increase to the ceiling price of local white rice, in a bid to protect the future of all parties in the food production chain, especially padi farmers.

In November last year, the Padi and Rice Regulatory Division found that the ceiling price of local white rice should be increased to RM3.20 per kg, compared with the current RM2.60 per kg.

The increase in the ceiling price is important to prevent the dumping of local rice as manufacturers are no longer interested in continuing to purchase rice due to low prices. – Bernama

# Maha 2024 aims to secure RM6b in deals

**SERDANG:** The Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (Maha) 2024 exhibition set for September aims to secure approximately RM6 billion in agreements and RM40 million in direct sales.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said these are the key performance indicators set for Maha 2024, which is celebrating its 100th anniversary since its first organisation in 1923.

"Reflecting on the 100-year history of the event, it underscores the significance of this exhibition in the development of the country's agricultural sector.

"Maha has played a crucial role in advancing agricultural technology, introducing innovations, and promoting collaboration among various stakeholders in the agricultural industry, particularly in ensuring the country's food security," he said when launching Maha 2024 here yesterday.

The theme for Maha 2024 is "Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom".

Through Maha 2024, Mohamad said the ministry aims to enhance awareness and knowledge of modern agricultural technology among local farmers and entrepreneurs.

"Through this exhibition, visitors and stakeholders will have the opportunity to experience firsthand the application of innovations such as smart farming, big data usage and automation that can be applied in their daily operations," he said.

He added that Maha 2024 should serve as a platform to promote local agricultural products in the international market as the number of exhibitors targeted this time has exceeded 2,000 companies.

"The organisation of Maha 2024 should also focus on promoting sustainable agricultural practices that can preserve the environment and ensure the sustainability of agricultural resources."

Meanwhile, Mohamad said Maha 2024 would also emphasise the internet of things in agriculture, fisheries, livestock and farming.

"Maha 2024 will also implement several new approaches that are more interactive and aligned with the interests of the current generation," he said.

Maha 2024, which will take place at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang from Sept 11 to Sept 22, is targeting to attract three million visitors. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | THE STAR | NATION | 6 |


# Launch campaign on drone management, CAAM urged

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) should organise a large-scale awareness campaign to explain the Unmanned Aircraft System Traffic Management (UAS-TM) to drone users.

Malaysian UAV Alliance Association (Muva) president Dr Mohd Zaliman Mohd Yusoff said some drone users are already asking for details about UAS-TM.

"CAAM has said the new UAS-TM will be ready by the third quarter of next year. We believe CAAM should use this time to explain UAS-TM to drone associations, industries and individuals.

"The system involves not only CAAM but also the committee overseeing UAS operations (Jakuas)," he said when contacted.

Jakuas includes Sirim, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the Survey and Mapping Department and the Chief Government Security Office, he added.



**High-tech farming:** A drone being used to spread fertiliser on a padi field.

He said this when asked to comment on a report that drone owners who fail to register can be fined up to RM50,000, jailed for up to three years, or both, while companies can be fined up to RM100,000.

Mohd Zaliman added that the campaign and education programme will help reduce public misinformation in the future.

"The system is very technical and requires proper explanation, especially on why this regulation is needed," he added.

He also urged the Agriculture and Food Security Ministry to start discussions with Jakuas, led by CAAM, on ensuring the use of drones in the agricultural sector complies with safety regulations and increases crop yields.

"For example, in Kedah and Selangor, where there are large-scale rice fields, more than 40% of padi farmers use drones to manage their fields.

"There needs to be strategic cooperation between these relevant agencies to increase yields and improve incomes," he added.

Meanwhile, Malaysia UAV Developments Association (Muda) co-founder and president Datuk Lester Tay Kean Boon said several important considerations should exist before UAS-TM is introduced.

"The development and implementation of such a complex system would likely involve a tender process for selecting qualified vendors or service providers.

"This process must be transparent, competitive and follow proper procurement guidelines to ensure the best value for money and avoid any allegations of favouritism or corruption," he said.

He added that while drones offer many benefits, there are concerns about privacy, safety and noise pollution.

"Effective public awareness campaigns and clear regulations are necessary to address these concerns and gain public trust and acceptance of the UAS-TM.

"Robust cybersecurity measures, including encryption, authentication protocols and regular security audits, must be implemented to prevent unauthorised access, data breaches or potential hijacking of drone control systems.

"This is because the system would involve tracking and controlling drone movements, making it a prime target for cyber-attacks and spoofing attempts.

"Additionally, the legal framework and regulations surrounding drone operations, privacy, and data protection need careful review and updating to accommodate the new drone management system," said Tay.

He said that striking the right balance between enabling the economic benefits of drones and addressing public concerns is crucial for successfully implementing such a system.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | THE STAR | NATION | 10 |

# Close eye on dairy imports

## DVS on alert after reports of bird flu in US cattle, says Mat Sabu

By TEH ATHIRA YUSOF and M. IRSYAD
newsdesk@thestar.com.my



**Food-secure future:** Mohamad (right) greeting attendees at the Maha 2024 launch in Serdang, Selangor. – YAP CHEE HONG/The Star

**SERDANG:** The Veterinary Services Department (DVS) is currently reviewing the import of dairy products following reports that avian influenza was detected among dairy cattle herds in the United States, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said DVS will be reviewing reported incidents involving dairy products from the US, the Netherlands and Australia, for example.

"If they do not have any issue, then there is no problem for the products to be brought into Malaysia.

"DVS, on behalf of the ministry, has always been very meticulous... This is important as the issues of safety, security and (food) health need to be taken into account," he said.

That is why if there is any area with reports of flu or any other virus, the DVS would take swift action and advise the ministry on whether livestock or such products can be imported from there, he told a press conference after launching the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (Maha) 2024 here yesterday.

On May 19, Singapore cleared dairy products from the US as being safe to consume, even though the highly contagious H5N1 bird flu strain was reported to have spread among dairy cows in that country since the end of March.

That month, the US Department of Agriculture's Animal and Plant Health Inspection Service confirmed the detection of the highly pathogenic bird flu in dairy cattle herds in the US states of New Mexico, Texas, Kansas and Michigan.

The virus was detected in samples of unpasteurised milk from older and sick lactating cows.

In another development, Mohamad said the proposal to increase the ceiling price of local white rice (BPT) will be finalised before October.

He said the discussion on the proposal to increase the ceiling price was still ongoing between his ministry and other ministries.

"... Changes in price and related matters, involves four to five other ministries, such as the Economy, Domestic Trade and Cost of Living, and other ministries.

"There are still discussions needed before we head towards the final stages.

"Not long from now, maybe before October," he added.

On June 7, Mohamad said all the relevant parties were still discussing the proposal to increase the ceiling price of BPT before a decision is made in a few months.

In November last year, the Agriculture and Food Security Ministry's Padi and Rice Regulatory Division said the ceiling price of BPT should be increased to RM3.20 per kg compared with the current RM2.60 per kg.

Such a move to increase the price of BPT would protect the future of all parties in the food production chain, especially padi farmers in the country, it said.

On the exhibition, Mohamad said his ministry was also targeting more export agreements with other countries.

"Next week, we will be signing an agreement with China for the export of durians.

"This is among our focuses for international cooperation as the world has now become a global village and we need to rely on other countries if we face any issues in the food supply chain, and vice versa.

"Our international cooperation is also currently strong, with more than 180 international companies showing interest in participating in Maha 2024," he added.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | THE STAR | COMMENT | 7 |

PENANG

# Agro fair helps participants grow business

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

EIGHTEEN agro-entrepreneurs from Perlis, Kedah and Penang had the chance to promote their products at a fisheries carnival in Bukit Mertajam, Penang.

The two-day Northern Zone myAgropreneur Fisheries (myAP) and Fishery Community (myKP) Carnival 2024 served as a platform to help participants develop and promote local products to the community.

A programme called *"Rasa-Rasa Akuakultur"* (Tastes of Aquaculture) was also held during the carnival's launch to promote products.

Visitors got a chance to see, taste and enjoy aquaculture-based products while stimulating market demand and product usage.

Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain, who launched the carnival, said the three states received a development allocation totalling RM756,800 towards enhancing entrepreneurial and technical skills.



Fermented fish are among the main fishery-related products from Malaysia's northern states. — Filepic

"Until 2024, the Fisheries Department has successfully developed 91 projects in the Northern Zone, with 24 in Penang, 51 in Kedah and 16 in Perlis, with an economic value of RM22mil.

"The main products in the northern states are fermented fish and fish crackers, with an annual sales value of RM4.7mil," he said during his speech.

At the event, Adnan presented fishery network certificates to representatives from the three states.

He also presented mock cheques for the Development and Aquaculture Support Delivery System (SpeKS), totalling RM829,310, to the three states.

He visited booths at the carnival, which featured exhibitions, promotions, sales of fish products, tasting sessions, outboard engine clinics, interactive quizzes and the opportunity to learn about Fisheries Department.

Meanwhile, Adnan urged aquaculture farmers to register with the GeoAgro system before applying for the Madani Subsidy Assistance Programme (*Budi Madani*).

Registration was still slow, he revealed, adding that only 1,232 aquaculture farmers had applied for *Budi Madani* so far, compared to the total number of 7,900 registered farmers in the peninsula.

"For now, registration is rather slow despite responses received," said Adnan.

"We hope farmers out there will register with GeoAgro and provide the necessary information about their activities.

"This will eventually enable them to register for *Budi Madani* and receive various incentives provided by the government," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

# Bot nelayan Vietnam tak serik ceroboh!




BOT nelayan Vietnam yang ditahan menceroboh perairan Terengganu.

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu berjaya menahan sebuah bot nelayan Vietnam, Sabtu lalu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Khairulanuar Abd Majid berkata, bot terbabit ditahan pada kedudukan 97 batu nautika Timur Laut Muara Kuala Terengganu pada jam 6.30 petang.

Menurutnya, bot nelayan asing itu ditahan kapal peronda Maritim Malaysia dalam siri Ops Naga Barat.

Katanya, selepas diperiksa didapati 10 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia 30 hingga 60 tahun gagal mengemukakan sebarang pengenalan diri yang sah.

"Mereka juga disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan dan anggaran nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM1 juta.

"Bot dan kru serta tekong dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut manakala tekong dan kru bot disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya.

Menurutnya, jika didapati bersalah, tekong boleh didenda tidak melebihi RM1 juta manakala RM100,000 bagi setiap kru atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Katanya, APMM Terengganu merekodkan 13 kes pencerobohan nelayan asing pada tahun ini dengan jumlah anggaran nilai rampasan mencecah RM13.5 juta dan 103 kru termasuk tekong ditahan.

Beliau berkata, dalam pada APMM Terengganu akan terus meningkatkan kawalan keselamatan di sekitar perairan negara khususnya di pantai timur.

"Aset diatur gerak bagi melakukan rutin rondaan sehingga sempadan perairan negara untuk mengekang kejadian pencerobohan, penyeludupan dan jenayah laut lain," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Jabatan Perikanan Perak nafi abai aduan nelayan

**TAIPING** – Jabatan Perikanan Perak menafikan dakwaan yang mengatakan mereka tidak peka terhadap aduan nelayan berhubung aktiviti pencerobohan membabitkan bot pukat tunda dan pukat sorong di perairan Larut Matang dan Selama serta Kerian.

Pengarahnya, Mohd. Ghazali A. Manap berkata, pihaknya sentiasa mengadakan pemantauan serta penguatkuasaan di kawasan yang dikenal pasti berlakunya aktiviti haram tersebut.

"Kita terima banyak aduan berhubung kes tersebut dan tindakan penguatkuasan telah diambil, bahkan tangkapan serta rampasan perkakas dari bot-bot itu juga dilakukan.

"Kami cuma tidak menghebahkannya kepada umum kerana tindakan-tindakan dilaksanakan itu merupakan maklumat sulit," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Penyerahan Bantuan SPeKS Cawangan Pengembangan Negeri Perak kepada myKomuniti Perikanan (myKP) Kampung Dew di sini.

Menurut Mohd. Ghazali, DOF Perak telah membuat rampasan pukat tunda haram, pukat sorong dan juga bubu naga di sekitar kawasan Sungai Sepetang.

"Jika mereka (pengusaha pukat tunda, sorong dan bubu naga) hendak menuntut balik barang rampasan ini atau ingin membuat bantahan, mereka boleh berbuat demikian di mahkamah.

"Setakat ini tiada lagi yang berani datang untuk menuntut barang mereka," katanya.

Dalam perkembangan berhubung kolam ternakan udang di sini yang dikatakan melepaskan air sisa kolam ke dalam saliran sungai sehingga menyumbang kepada pencemaran, beliau berkata, pihak yang membuat dakwaan itu perlu menampilkan bukti sebelum tindakan lanjut diambil.

Katanya, ini kerana kolam-kolam udang yang beroperasi di kawasan terbabit didapati mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) terutama berkaitan kualiti air di kawasan ternakan terbabit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | KOSMO | NEGARA | 17 |



DAGING babi sejuk beku bergelimpangan atas jalan raya selepas terjatuh dari sebuah lori di Jalan Gua Musang-Jeli dekat Kampung Tool, Gua Musang pada Sabtu lalu.



NELAYAN darat menunjukkan salinan laporan polis kes pembuangan sisa babi ke sungai yang dibuat di Balai Polis Bertam, Gua Musang kelmarin.

Nelayan terjejas, orang ramai takut beli ikan selepas daging babi dibuang ke sungai

# Hilang RM100 sehari angkara sisa babi

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Lebih 30 nelayan darat dari tiga buah kampung, di sini mendakwa, sisa daging babi sejuk beku yang dibuang ke dalam Sungai Kuala Lah sebelum hanyut ke Sungai Nenggiri telah menjejaskan pendapatan mereka.

Ini kerana, buat sementara waktu, mereka terpaksa berehat selama sebulan daripada mencari sumber ikan di sungai berkenaan ekoran bimbang orang ramai yang mengetahui perkara itu tidak akan membeli ikan.

Sisa daging itu dibuang pihak tertentu ke sungai tersebut selepas terjatuh di atas jalan raya dari muatan sebuah lori pada Sabtu lalu.

Ketua Jaringan Nelayan Darat Pulau Setelu, Zakaria Omar, 59, setiap nelayan dari Pulau Setelu, Pasir Tumbuh dan Bertam, di sini mendakwa, pembuangan sisa daging babi itu menyebabkan mereka hilang pendapatan kira-kira RM100 sehari.

Menurutnya, mereka telah membuat satu laporan di Balai Polis Bertam kelmarin, bagi membolehkan pihak berkuasa melakukan siasatan lebih lanjut berhubung penemuan tersebut.

"Kami percaya dalam tempoh sebulan atau dua bulan orang tidak akan membeli hasil ikan yang ditangkap kami di sungai ini.

"Buat sementara waktu, kami tidak akan mencari sumber ikan di sungai itu dan akan ke kawasan sungai Pos Pulat," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Ketua Jaringan Nelayan Darat Kampung Pasir Tumbuh, Kamarudin Mohd. Noor, 55, pula berkata, kebanyakan nelayan sudah 20 tahun mencari rezeki di kawasan sungai berkenaan.

Katanya, Sungai Nenggiri merupakan lubuk ikan seperti ikan baung, ikan kelulang, ikan kenerak, ikan jogho dan ikan lampan.

"Kita berharap pihak berwajib dapat mencari jalan penyelesaian kerana kes ini sudah diketahui penduduk kampung serta menimbulkan banyak kebimbangan," ujarnya.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan, pengguna yang melalui Jalan Gua Musang-Jeli berdekatan Kampung Tool, di sini, pada Sabtu lalu terkejut melihat hampir 50 ketul daging babi sejuk beku bergelimpangan atas jalan raya.

Kejadian dipercayai berlaku pada pukul 7 pagi apabila sebuah lori yang membawa muatan daging babi sejuk beku itu dipercayai melalui jalan mendap sebelum dinding kiri kenderaan tersebut tiba-tiba tercabut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Kos tanam padi dijangka naik

**Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my



**KOS penggunaan diesel terhadap mesin padi dijangka meningkat yang berkemungkinan akan membebankan para petani. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

**ALOR SETAR:** Petani perlu bersedia menyerap kenaikan kos mengusahakan tanaman padi yang mungkin akan berlaku selepas ini susulan kenaikan harga diesel yang ditetapkan pada kadar RM3.35 sen seliter bermula semalam.

Ini berikutan, jentera pertanian seperti mesin padi, traktor dan lori membawa padi tidak lagi menikmati subsidi diesel yang dibimbangi memberi impak besar terhadap penanaman padi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Badan Bertindak Petani di kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, kenaikan paling minimum terhadap kos upah jentera dijangka 20 peratus berbanding kadar sedia ada dengan subsidi diesel.

"Kesemua jentera dan pengangkutan ini menggunakan minyak diesel yang sudah tentu akan berlaku kenaikan kos terhadap penggunaannya.

"Penggunaan diesel bagi mesin padi adalah RM25 ke RM35 untuk setiap relung atau kira-kira 0.29 hektar, manakala traktor sekitar RM25 ke RM30 bagi keluasan sama. Maka sudah tentu akan berlaku kenaikan yang perlu ditanggung petani sendiri," katanya.

Tambah beliau, lori yang membawa padi ke kilang pula menanggung kos bahan api antara RM25 ke RM35 setiap tan mengikut jarak perjalanan.

"Pengiraan itu belum ditambah dengan kos-kos lain bagi setiap jentera itu umpamanya mesin padi perlu membelanjakan kira-kira RM8,000 setiap musim untuk penyelenggaraan dan kerosakan.

"Traktor juga memerlukan kira-kira RM2,000 semusim untuk tujuan sama, sementara kedua-dua jentera itu dikendalikan pemandu serta pembantu yang menerima upah RM25 bagi setiap 0.29 hektar dan kos makan minum mereka berjumlah RM1,500 semusim," ujarnya.

Menurut Che Ani, kenaikan kos berkenaan dijangka tidak dapat dielak setelah berlaku kenaikan harga diesel ketika ini yang sudah pasti kesan itu akhirnya akan ditanggung oleh petani.

"Pengusaha jentera sudah tentu perlu menampung kos apabila berlaku kenaikan harga minyak itu, maka beban ini akhirnya akan diletakkan kepada bahu para petani yang menggunakan khidmat mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |

# Growing urban greens

Volunteers at thriving community gardens in Ampang Jaya are moving to the next level by venturing into fields like mushroom production, aquaculture and beekeeping. They are also using technology for automation. >2&3



**Going further:** Kebun Komuniti Pegaga at Okid Apartment in Taman Bukit Indah, Selangor, has taken to the Internet of Things to implement new approaches at its 46.5sq m community garden. — LOW LAY PHON/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | THE STAR | NEWS | 2 |



Kebun Komuniti Laman Hijau Pangsapuri Permai Putera members with MPAJ Landscape Department personnel showing off padi plants at their community garden in Tamen Dato Ahmad Razali. — Photos: LOW LAY PHON and LOW BOON TAT/The Star

# Scaling communal gardens for success

## Three Ampang Jaya sites eye expansion, tech, bees and even padi to benefit community

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

WHAT began as a hobby for residents in Ampang Jaya, Selangor, to putter around in their backyards has blossomed into thriving community gardens where the produce extends well beyond individual kitchens.

Of the 47 community gardens supported by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), several are leveraging their collective experience and knowledge to achieve sustainability on a larger scale.

*StarMetro* spoke to the heads of three community gardens who shared insights into their journey from small plots to thriving communal projects.

Members emphasised that proceeds from any surplus produce were reinvested into their allotments, ensuring continuous improvement of their green spaces.

These gardens not only provide fresh produce but also foster a strong sense of community and environmental stewardship among participants.

### Technology driven

At Kebun Komuniti Pegaga in Okid Apartment, Taman Bukit Indah, the goal is to eventually turn the community garden into a fully automated one.

Its chairman Datuk Mohammad Aziz Sitam said they were working towards using Internet of Things (IoT) technology to enhance traditional gardening practices.

The garden was established in 2015 using conventional methods and started incorporating technology in 2018.

He said the 46.5sq m garden was semi-automated to manage its hydroponic and fertigation methods to grow vegetables, as well as a fully automated greenhouse for mushrooms.

Mohammad Aziz said they used IoT for irrigation and temperature monitoring.

"By using IoT technology, we have been able to grow produce that is equivalent to a 0.4ha farm.

"It also means that we won't need people to constantly look after the garden as it can be monitored via our phones.

"We are trying to come up with additional budget to upgrade the systems to make it fully automated," he said.

They grow some 15 types of vegetables and herbs, including birds-eye chilli, coriander, Brazilian spinach, pineapple and cucumber.

The committee started growing white oyster mushrooms last July.

At its peak, it yielded 15kg of mushrooms per day, according to Mohammad Aziz.

"We currently have about 5,000 mushroom bricks (or blocks) in the fully automated greenhouse, which we can monitor remotely.

"We can expand the operations to fit 15,000 bricks."

Surplus produce not bought by apartment residents is sold to other communities.

"At one point, we sold to small sundry shops and markets but this proved tricky as they wanted a consistent supply.

"We were not able to accommodate this as we fitted in gardening activities in between our regular work schedules.

"Any extra cash we make is pumped back into maintenance and improvement of the garden," said Mohammad Aziz.

He said the group had about 15 to 17 active members who took turns to maintain the garden.

Their efforts have not gone unnoticed, as the group has won numerous awards and accolades.

As Pertubuhan Kebun Komuniti Pegaga, they emerged champions of the Selangor Strata Green Space Award 2023, winning the first prize and the innovation special award.

Mohammad Aziz said the idea behind the garden was to create a space for the community to gather.

"This has become a place for people to lend a helping hand or meet others.

"It has also helped to create a sense of community and belonging among residents," he added.

### Turning to aquaculture

It has been eight years since residents at Pangsapuri Ukay Indah, Taman Ukay Indah, started their garden plots.

The enterprise has since expanded to include aquaculture and beekeeping.

In 2016, the joint management body (JMB) along with interested residents started several garden plots around the apartment blocks.

Every bit of space was used, with each small plot managed by individual residents to plant herbs, flowers and vegetables.

Within two years, Kebun Komuniti Pangsapuri Ukay Indah Club began rearing catfish within its main plot.

This was mainly possible thanks to the natural water source (*air bukit*) behind the garden, said JMB chairman Mohd Yusof Che Mansor.

"With the fresh water supply, we are able to maintain a healthy



Noriza (left) and Mohd Yusof showing the Pandan Bonsai they have planted at Kebun Komuniti Pangsapuri Ukay Indah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | THE STAR | NEWS | 3 |



Mohammad Aziz at Kebun Komuniti Pegaga's greenhouse producing white oyster mushrooms (inset).



Brinjal plants growing at Kebun Komuniti Laman Hijau Pangsapuri Permai Putera.

environment for the catfish.

"It was not without challenges but we learned to problem-solve besides engaging with MPAJ and others to gain more knowledge.

"We now have about 600 to 700 fish. When there is an order, the fish is cleaned and sold," he said, adding that this had developed into a small income stream.

The operation now also includes smoked catfish, which has proven to be popular.

"We are hoping to expand the project to have 10 to 12 large containers for the catfish, from the current three.

"Once we have the manpower, we want to engage with the Fisheries Department to get its input," said Mohd Yusof.

To sustain the garden and minimise maintenance costs, they implemented a rainwater-harvesting, zero-waste management system.

Most recently, the community garden members have been roped into trying stingless bee (*kelulut*) honey production that was suggested by the Gombak/Petaling District Agriculture Office. They started off with 10 hives.

Community garden club head Norliza Bohari said, "We had initially sought the department's input for the location of a new vegetable garden.

"But during a site visit, officers said the location was not suitable as there was not enough sunlight.

"Instead, they suggested that we try producing honey."

The first colony of bees arrived in early March and it will take about six months before they can harvest up to 15kg of honey.

Norliza, who is also the residents association chairman, said the project was made possible with an allocation of RM10,000 from Selangor Housing and Property Board (LPHS).

The apiculture project is part of LPHS' "*Rejuvinasi Komuniti Selangor Laman Hijau Strata* 2.0" (Score 2.0) initiative.

## Growing padi in the city

The *padi* beds at Kebun Komuniti Laman Hijau Pangsapuri Permai Putera in Taman Dato Ahmad Razali are an unusual sight.

Chairman Muniza Mohd Zaini said they started *padi* cultivation last March, beginning with 2kg of seeds from Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi).

"We planted the MR269 variety, which does not need much water and is well-suited to urban farming conditions.

"It will take about six months before our first harvest, but it is looking promising," she said.

Muniza said they took on *padi* planting on MPAJ's suggestion.

The community garden was set up in 2020 during the Covid-19 pandemic, initially with traditional herbs and vegetables.

The 0.41ha garden is located outside the apartment complex on rented land.

Over the past six months, the community gardeners have started producing coco peat, which can be used as compost and a growing medium.

It is made by putting a coconut husk pith through a shredding machine.

The group sources discarded coconuts from vendors around the area.

MPAJ through its contractors also helps by dropping off spent coconuts at the community garden to be processed.

The coco peat is then sold to other community gardens and individuals.

Muniza said they had so far been able to produce about 300 bags.

"We did not expect it to be this big an operation but it has been possible with the support of the team and the local community.

"Our long-term plan is to produce and market our own brand of coco peat," she said.



Masani Man is one of those tasked with rearing catfish at Kebun Komuniti Ukay Indah.



A variety of vegetables and herbs growing at Kebun Komuniti Pegaga including birds-eye chilli, coriander, Brazil spinach, pineapple and cucumber.



Kebun Komuniti Laman Hijau Pangsapuri Permai Putera advisor Mohd Fuad Eusof working the shredder to make coco peat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/6/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Lembu sado ditawar harga RM20,000 untuk korban

**PASIR SALAK:** Pernah ditawarkan harga setinggi RM20,000, namun seorang penternak di sini menolak untuk menjual lembu jantan sado sebagai haiwan sembelihan korban.

Mohamad Khairul Hisham Mohd. Thaha, 42, berkata, dia ditawarkan harga tersebut oleh pembeli yang mahu menjadikan lembu sado itu sebagai haiwan korban pada Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Namun, katanya, dia menolak kerana sayangkan lembu daripada baka Charolais berasal dari Perancis seberat hampir satu tan itu yang diternaknya sejak empat tahun lalu.

"Baru-baru ini ada orang Arab datang dari Kuala Lumpur nak beli lembu sado ini untuk korban dengan harga RM20,000. Malah sanggup menawarkan harga lebih tinggi tapi saya tolak.

"Siapa yang datang ke kandang ini boleh melihat lembu sado ini, ia tarikan pada pelanggan yang datang untuk beli lembu lain di sini," katanya ketika ditemui di Hujung Rintis Kota Setia dekat sini.

Menurutnya, lembu sado itu tidak diberi makan rumput liar selain tidak dibiarkan bebas sehingga masuk ke kawasan kebun milik penduduk.

Katanya, ia diberi makan jerami padi yang dibeli di Sabak Bernam dengan harga segulung lebih RM200 dan sekali tempahan sebanyak 20 gulung.



**MOHAMAD Khairul Hisham Mohd. Thaha menunjukkan lembu jantan sado seberat hampir satu tan yang diternaknya di Pasir Salak, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/6/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |

# MESTI ADA IKAN SUDAH MAKAN!

*Nelayan darat terjejas daging babi sejuk beku dibuang ke Sungai Nenggiri*



NELAYAN darat terpaksa masuk lebih jauh ke pos Orang Asli untuk menangkap ikan iaitu di sungai dekat Pos Pasik.

**Oleh Paya Linda Yahya**
am@hmetro.com.my

**Gua Musang**

Lebih 30 nelayan darat di tiga kampung di sini, kecewa dengan tindakan sebuah syarikat membuang daging babi sejuk beku ke dalam Sungai Nenggiri, Sabtu lalu.

Nelayan darat dari Kampung Star, Kampung Bertam dan Kampung Pasir Tumbuh mendakwa tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu menyebabkan mereka tidak boleh mencari ikan di sungai.

Ketua Jaringan Nelayan Darat Kampung Pasir Tumbuh, Kamarudin Mohd Noor, 55, berkata, dia kecewa dengan tindakan tidak bertanggungjawab itu kerana memberi kesan kepada pendapatan mereka.

Katanya, sejak 20 tahun lalu dia menyara keluarga dengan mencari hasil di sungai bagi menampung perbelanjaan seharian.

"Apabila kejadian ini berlaku dianggarkan hampir sebulan kami tidak dapat ke Sungai Nenggiri dan mencari ikan dan saya percaya pelanggan juga tidak akan membeli hasil tangkapan kami kerana sudah ditularkan daging babi sejuk beku yang terbabit kemalangan Sabtu lalu, dibuang ke Sungai Nenggiri.

"Walaupun air sungai mengalir deras, tetapi tidak mustahil ada ikan yang sudah makan daging itu. Jadi langkah selamat kami terpaksa menghentikan buat sementara waktu aktiviti menangkap ikan di kawasan ini.

"Kami juga mungkin terpaksa masuk lebih jauh ke pos Orang Asli untuk menangkap ikan iaitu di sungai dekat Pos Pasik yang memakan masa sehingga empat jam perjalanan," katanya ketika ditemui di Kampung Kuala Lah, di sini.

Bagi Zulkifli Junuh, 52, dia sempat melihat daging babi terbabit petang Sabtu lalu ketika mengangkat pukat di Sungai Nenggiri.

Katanya, terkejut dengan penemuan itu, dia terus naik ke darat dan memaklumkan kepada penduduk kampung.

"Ketika itu kira-kira jam 5.30 petang, saya turun ke Sungai Nenggiri untuk mengangkat pukat. Namun terkejut apabila melihat daging babi dibawa arus.

"Saya memaklumkan kepada penduduk kampung dan difahamkan kejadian pembuangan daging babi ke dalam sungai sudah tular di media sosial.

"Pada pendapat saya masih ada cara lain untuk melupuskan daging babi terbabit seperti menanamnya, tidak sepatutnya dibuang ke sungai yang juga menjadi sumber air kepada penduduk kampung," katanya.

Terdahulu media melaporkan lori yang membawa muatan hampir 50 ekor babi sejuk beku terbabit dalam kemalangan dekat Kampung Kuala Tool di sini, Sabtu lalu.

Kejadian kira-kira jam 7 pagi itu mengakibatkan dinding sebelah kiri lori tercabut menyebabkan daging babi yang dibawa berserakan di jalan raya.

**50 ekor babi sejuk beku terbabit dalam kemalangan dekat Kampung Kuala Toolu**